



MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : SITI NUR AZAHANI AB RAZAK

Jabatan /
Bahagian : PENGURUSAN PENGETAHUAN

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : MISTERI TAMING SARI

Tempat
terbitan : PETALING JAYA, SELANGOR

Penerbit : KARYA PUBLIKA SDN BHD

Jumlah muka
surat : 412

Tahun terbitan : 2020

Sasaran umur
pembaca : Semua peringkat umur

Komen fizikal : Terlalu padat dengan infomarsi sehingga lengok bahasa melayu lama diketepikan, kemungkinan untuk memberi kefahaman jelas untuk anak-anak muda

Positif : Kutelusuri jejak-jejak sejarah mencari Keris Taming Sari, bermula dari kerajaan Majapahit sehingga ke kerajaan Melaka. Kutelusuri Sulatatus Salatin, Sejarah Melayu dan tak lupa Hikayat Hang Tuah sendiri kerana keris ini milik Laksamana Hang Tuah.

Negatif : Bercanggah dengan mitos atau realiti

Kelebihan : Kehebatan pahlawan-pahlawan Melayu semasa abad 14 – 15 selepas masihi tiada tolok bandingnya.

Luahan rasa : Disarankn kepada pembaca yg berminat tentang sejarah da nasal usul kaum Melayu yang kuat semanagat juangnya satu masa dahulu.

Ulasan : **Taming Sari** (Jawi: **تامیڠ سري / تامیڠ ساري**) ialah nama seorang pendekar Jawa dalam kerajaan Majapahit seperti yang tersebut

dalam Hikayat Hang Tuah. Menurut hikayat ini, Taming Sari ialah seorang hulubalang yang paling handal di Majapahit ketika itu dan beliau telah ditugaskan oleh Bendahara Majapahit, Patih Gajah Mada, untuk membunuh Hang Tuah.

Taming Sari dikatakan seorang yang kebal tidak dapat dicerderakan oleh senjata. Bagaimanapun, kekebalannya adalah terletak pada keris yang digunakannya. Hang Tuah pula pada masa itu telah berguru kepada seorang ahli pertapaan Jawa bernama Sang Adi Putera. Gurunya itu telah memberitahu akan kelemahan Taming Sari. Oleh itu, pada hari pertarungan antara kedua pendekar ini di hadapan Sultan Melaka dan Betara Majapahit, Hang Tuah telah berjaya merampas keris Taming Sari dan menggunakan keris itu untuk menikamnya hingga mati.

Sebagai menghargai kejayaan Hang Tuah itu, raja Majapahit Suraprabhawa telah menganugerahkan keris itu kepada Hang Tuah. Keris ini dikenali dengan nama "Keris Taming Sari" dan telah dibawa pulang ke Melaka. Keris yang sama juga telah digunakan oleh Hang Jebat untuk menderhaka Sultan Melaka. Hang Jebat juga dikatakan kebal kerana memiliki keris Taming Sari. Dalam pertarungannya yang terakhir dengan Hang Tuah, keris Taming Sari telah berjaya dirampas semula oleh Hang Tuah yang kemudiannya menikam mati Hang Jebat.

Selepas kejatuhan empayar Melayu Melaka, tidak lagi diketahui ke mana perginya keris Taming Sari ini. Pelbagai kisah dan mitos tersebar mengenai keris ini. Ada yang mengatakan bahawa keris ini telah hilang bersama-sama Hang Tuah di Hulu Muar selepas Hang Tuah gagal membawa pulang Puteri Gunung Ledang untuk Sultan Melaka. Ada pula yang percaya bahawa keris Taming Sari telah dibawa ke Perak dan disimpan oleh keturunan Raja-raja Perak.

Gambar Buku

